

**Perebutan Jawatan Naib Presiden Umno Bukti Wujud Demokrasi Dalam Parti
Bernama
5 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menyifatkan persaingan merebut jawatan yang disandangnya pada pemilihan parti itu Oktober ini membuktikan parti itu mengamalkan demokrasi, dan harus diterima dengan hati terbuka.

Mohd Shafie, yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyifatkan pertandingan itu sebagai pertandingan dalam keluarga, dan menyerahkan kepada para perwakilan untuk menentukan calon pilihan mereka.

"Anggota Umno cukup matang, dan kita tahu mereka boleh menilai siapa yang hendak diletakkan (bagi jawatan itu)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Aidilfitri dan Merdeka MARA, di sini Khamis.

"Setakat ini, sudah ada yang menyatakan minat mereka untuk bertanding. Kita tunggu pada 28 September ini (tarikh tutup pendaftaran calon untuk bertanding)," kata Mohd Shafie yang telah memenangi jawatan itu pada pemilihan 2009.

Sehingga kini ketiga-tiga Naib Presiden Umno termasuk Mohd Shafie, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengesahkan akan mempertahankan jawatan itu.

Sementara itu, bekas Ketua Menteri Melaka Datuk Mohd Ali Rustam serta bekas Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad turut mengesahkan untuk merebut jawatan itu.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan akan ada lagi pencabar bagi jawatan itu, Shafie berkata : "Saya tak tahu. Itu terserah kepada mereka."

"Ini yang saya katakan pembaharuan dalam Umno, di mana kita tidak bergantung kepada pencalonan bahagian, kebebasan seseorang itu dan penentuannya akan dilakukan oleh hampir 148,000 anggota Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975411>